

Pertahanan toleransi agama — PM

UM 3 AUG 2001

KUALA LUMPUR 2 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mahu rakyat mempertahankan toleransi agama dan kaum yang telah wujud sekian lama dan menolak kumpulan tidak toleran yang sedang berusaha menggunakan kekerasan untuk merampas kuasa.

Menurut Perdana Menteri, walaupun terdapat sikap toleran itu, rakyat tidak boleh memandang ringan dengan mengangap ia tetap terpelihara dengan sendirinya.

Tegasnya, ini kerana sudah ada bukti bahawa terdapat kumpulan-kumpulan kecil yang ekstrem yang menolak sikap toleran ini dalam kegiatan politik di negara ini.

Justeru rakyat tidak boleh bersikap toleran kepada puak yang jelas tidak toleran ini.

“Toleran adalah untuk mereka yang toleran sahaja. Mereka yang tidak toleran, yang ingin meng-

hapuskan sikap toleran jika mereka berkuasa, tidak boleh diberi layanan yang toleran.

“Mereka mesti dihalang walaupun tuduhan akan dibuat bahawa kita tidak toleran,” katanya ketika menyampaikan ucapan utama pada Dialog Perdana Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) bertema “Toleransi-Model Malaysia” di IKIM hari ini.

Menolak

Menurut Dr. Mahathir, dalam hubungan ini, beliau bagaimanapun percaya bahawa kegiatan kumpulan yang menolak sikap toleran setakat ini dapat dibendung dan dipatahkan.

Tegasnya: “Pihak yang toleran di Malaysia masih menjadi majoriti dan terus berkuasa”.

Perdana Menteri berkhata, Malaysia berjaya kerana majoriti rakyat berbilang kaum dan agama sedar akan nikmat keamanan dan kestabilan.

Mereka sedar hanya sikap toleran sahaja yang boleh membawa nikmat kepada mereka.

“Hanya yang pekak dan buta mata serta buta hati sahaja yang akan menolakan kebenaran ini,” tegasnya.

Dalam hubungan ini, kata Dr. Mahathir, kunci utama formula toleransi antara kaum di negara ini ialah orang Melayu yang bersedia berkongsi kuasa dengan kaum-kaum lain walaupun mempunyai bilangan penduduk majoriti di negara ini.

Menurutnya, falsafah utama rakyat Malaysia dalam mengamalkan sikap toleransi ialah “mendapat sebahagian yang bermakna daripada kekayaan negara, adalah lebih baik daripada mendapat semua daripada kemiskinan negara”.

Rakyat katanya, memahami bahawa sikap tidak toleran akan membawa huru-hara.

“Jika semua bahagian

diperoleh pun, sebenarnya ia tidak bermakna kerana segala-galanya sudah hancur dan tidak dapat dipulihkan.

“Pepatah Melayu berkata, “Menang jadi arang, kalah jadi abu”. Yang menang tidak mendapat apa-apa, yang kalah pun tidak mendapat apa-apa. Semua mengalami kerugian,” tegasnya.

Oleh itu, kata Dr. Mahathir, rakyat Malaysia lebih rela mengorbankan sedikit hak supaya negara menjadi aman.

Berbeza dengan rakyat negara lain, menurutnya, mereka lebih rela menghancurkan negara daripada berkongsi dan bersikap toleran.

Perdana Menteri menjelaskan, sikap toleransi hanya wujud jika kepentingan diri tidak terjejas atau menguntungkan diri sendiri.

“Mereka yang mendakwa menjunjung sikap toleran adalah dakwaan munafik dan hipokrit,” jelasnya.

Manusia, tambahnya, dalam keadaan tertentu akan mengetepikan sikap toleran demi kepentingan diri sendiri.

“Oleh itu janganlah sesiapa cuba berhidung tinggi kerana kononnya mereka mendukung dan memperjuangkan tole-

ransi sesama manusia,” katanya.

Dalam ucapannya juga, Dr. Mahathir berkata, semua negara di dunia ini akan mempunyai penduduk pelbagai kaum apabila kemudahan pengangkutan dan komunikasi semakin mudah dalam dekad akan datang.

Katanya, percubaan untuk mengekalkan identiti bangsa menerusi budaya, agama dan bahasa akan semakin sukar.

“Semakin ramai kaum pendatang, semakin buruk hubungan antara kaum dan semakin sukar penduduk asli tempatan

bersikap toleran,” katanya.

Seramai 119 peserta menyertai dialog tersebut yang dihadiri sama oleh Pengerusi IKIM, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid dan Ketua Pengarah IKIM, Datuk Dr. Ismail Ibrahim.